

13 DEC 1998

Rafidah-Bertanding

RAFIDAH BELUM PUTUS BERTANDING APA-APA JAWATAN

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata beliau belum membuat keputusan bertanding apa jua jawatan pada pemilihan Umno akan datang.

"Jika asyik fikirkan pertandingan, semua kerja tak boleh buat," katanya.

Anggota Majlis Tertinggi Umno itu bagaimanapun mengucapkan terima kasih kepada Pergerakan Wanita Umno yang menyuarakan sokongan kepadanya untuk bertanding jawatan naib presiden.

"Tak apalah...baguslah, nak sokong, sokonglah. Terima kasihlah atas sokongan itu ... terima kasih daun keladi," katanya kepada pemberita semasa waktu rehat Perhimpunan Agung khas Umno di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Ketua Wanita Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman minggu lepas bahawa pergerakan itu menyokong Rafidah sekiranya beliau bertanding jawatan naib presiden pada pemilihan parti tahun depan.

"Hak dia nak cakap...tapi daripada mulut saya tak akan keluar, jangan tanyalah, ia takkan keluar (daripada mulut saya)," katanya sambil tersenyum.

Rafidah berkata: "Sayapun tak tahu hati orang yang menyuarakan sokongan itu. Tuhan sahaja yang tahu ... sampai masa tuhan yang menentukan dan menggerakkan hati saya sama ada hendak bertanding atau tidak."

"Dr Mahathir dalam ucapan (perhimpunan agung khas) ada berkata dalam parti tidak ada kawan tetap dan lawan tetap ...ingat di situ cukuplah," katanya.

Mengenai ucapan Dr Mahathir berhubung pemilihan parti tahun depan, Rafidah berkata semua anggota Umno sepatutnya patuh kepada nasihat Presiden supaya jangan ada puak atau kumpulan dalam parti kerana ia boleh memecah-belahkan Umno.

"Orang luar melihat parti seakan-akan berpecah apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dan apabila ada orang yang mengikutnya (Anwar) kerana begitu fanatik menyokong individu.

"Ini menyebabkan orang luar seperti Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore sudah berani dan bersikap kurang ajar kepada kepimpinan negara ini apabila melihat Umno seolah-olah sudah mula pecah," katanya.

Ia boleh dianggap timbulnya sedikit rungutan dalam sebuah keluarga besar.

"Pada hakikatnya Umno tidak pecah ... demi kepentingan parti kita harus bersatu padu kerana kita harus sedar musuh kita bukan sesama sendiri tetapi musuh kita adalah orang luar," katanya.

-- BERNAMA

ARA RON